

PRK Pmtg Pauh: Pemuda PAS Bidas Timbalan Pesuruhjayanya
MStar
April 24, 2015
Oleh Ariffuddin Ishak

PERMATANG PAUH: Dewan Pemuda PAS Pulau Pinang membidas sikap Timbalan Pesuruhjaya PAS negeri itu, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa kerana mengamalkan kepimpinan 'kuku besi' dan berat sebelah dalam kemelut pakatan pembangkang yang berlaku ketika ini.

Ketuanya, Mohd Yusni Mat Piah berkata, sikap ego dan suka memihak Mujahid kepada parti sekutu PAS iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) tanpa mengambil kira pandangan ahli akar umbi adalah amat dikesali.

"Sebagai Pengarah Operasi PRK Permatang Pauh peringkat negeri, beliau sepatutnya turun mendengar isu yang dibangkitkan oleh akar umbi dan membawa hasrat mereka ke peringkat atas khususnya dalam beberapa perbincangan bersama PKR yang dihadapinya. Akan tetapi beliau mengambil tindakan sebaliknya dengan memihak kepada PKR serta menyerang emosi akar umbi.

"Pemuda PAS Pulau Pinang kecewa kerana beliau masih mengulangi sikap ego dan autokratik yang sama serta mudah menunding jari, melabel dan menyalahkan orang lain. Ini melukakan hati petugas PAS," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Selain itu Pemuda PAS Pulau Pinang turut kecewa dengan sikap timbalan presiden PAS yang juga Pesuruhjaya PAS negeri, Mohamad Sabu kerana gagal memainkan peranannya menyelesaikan kemelut yang dibangkitkan ahli akar umbi.

"Mat Sabu juga gagal memainkan peranannya menyelesaikan isu ini. Seperti Mujahid, beliau juga tidak turun bertemu akar umbi PAS di Permatang Pauh.

"Kegagalan mereka berdua ini untuk turun berbincang sejak awal isu ini tercetus, menyebabkan isu ini bertambah keruh. Lebih-lebih lagi mereka berulang kali mengeluarkan kenyataan keras kepada akar umbi di Permatang Pauh sehingga mencederakan emosi mereka," katanya.

Sebelum ini Dewan Pemuda PAS Pulau Pinang dan PAS Kawasan Permatang Pauh memberi kata dua kepada PKR supaya memohon maaf dan menarik balik kenyataan mereka yang menolak pelaksanaan hukum hudud di Kelantan.

Jika tidak, jentera PAS di kawasan itu tidak akan terlibat dalam kempen PRK Permatang Pauh yang akan bermula esok.

Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Publications (M) Bhd (Co No 10894-D)

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/04/24/yusni-mujahid/>